

AKTA JUALAN BARANGAN 1957

(Akta 382)

SUSUNAN SEKSYEN-SEKSYEN

BAB I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan pemakaian.
2. Tafsiran.
3. Pemakaian Akta Kontrak 1950.

BAB II

PEMBENTUKAN KONTRAK KONTRAK JUALAN

4. Jualan dan persetujuan untuk menjual.

PERATURAN KONTRAK.

5. Kontrak bagaimana jualan dibuat.

HAL PERKARA KONTRAK

6. Barang-Barang yang ada atau hadapan.
7. Barang-barang musnah sebelum kontrak dibuat.
8. Barang-barang musnah sebelum jualan tetapi selepas persetujuan untuk menjual.

HARGA

9. Penentuan harga.
10. Persetujuan untuk menjual pada nilai.

SYARAT DAN WARANTI

11. Janji mengenai masa.
12. Syarat dan waranti.
13. Bila syarat dianggap waranti.
14. Akujanji tersirat mengenai hakmilik, dsb.
15. Jualan melalui perihalan.
16. Syarat tersirat mengenai kualiti dan kelayakan.
17. Jualan meluli contoh.

BAB III

KESAN BAGI KONTRAK

PINDAHMILIK HARTA ANTARA PENJUAL DENGAN PEMBELI

Seksyen

18. Barang-barang mestilah ditentukan.
19. Harta berpindah jika diinginkan untuk dipindahkan.
20. Barang-barang khusus dalam keadaan boleh diserahkan.
21. Barang-barang khusus untuk diletakkan dalam suatu keadaan yang boleh diserahkan.
22. Barang-barang khusus dalam suatu keadaan yang boleh diserahkan apabila penjual membuat sesuatu kepadanya bertujuan untuk menentukan harga,
23. Jualan barang-barang yang tidak ditentukan dan penguntungan.
24. Barang-barang dihantar atas persetujuan atau "untuk dijual atau pemulangan".
25. Reservasi bagi hak pelupusan.
26. Risiko *prima facie* berpindah bersama milikan.
27. Penjualan oleh orang yang bukan pemunya.
28. Penjualan oleh salah seorang daripada pemunya bersama.
29. Penjualan oleh orang yang dalam milikan di bawah kontrak boleh batal.
30. Penjual atau pembeli dalam milikan selepas jualan.

BAB IV

PERLAKSANAAN KONTRAK

31. Kewajipan penjual dan pembeli.
32. Pembayaran dan penyerahan adalah syarat-syarat yang bersama.
33. Penyerahan.
34. Kesan penyerahan sebahagian.
35. Penyerahan hendaklah dipohon oleh pembeli.
36. Kaedah-kaedah penyerahan.
37. Penyerahan bagi kuantiti yang salah.
38. Penyerahan ansuran.
39. Penyerahan kepada pembawa atau pendermaga.
40. Risiko jika barang-barang diserahkan di tempat jauh.
41. Hak pembeli untuk memeriksa barang-barang.
42. Penerimaan.
43. Pembeli tidak terikat untuk memulangkan barang-barang yang ditolak.

Seksyen

44. Liabiliti pembeli kerana kecuaiian atau keengganan menyerahkan barang-barang.

BAB V

HAK PENJUAL YANG TIDAK DIBAYAR TERHADAP BARANG-BARANG

45. Takrif penjual yang tidak dibayar.
46. Hak penjual yang tidak dibayar.

LIEN PENJUAL YANG TIDAK DIBAYAR

47. Lien penjual.
48. Penyerahan sebahagian.
49. Penamatan lien.

PENAHANAN DALAM TRANSIT

50. Hak penahanan dalam transit.
51. Jangkamasa transit.
52. Bagaimana penahanan dalam transit berkesan.

PEMINDAHAN OLEH OLEH PEMBELI DAN PENJUAL

53. Kesan jualan sampingan atau sandaran oleh pembeli.
54. Jualan tidak secara amnya dibatalkan oleh lien atau penahanan transit.

BAB VI

GUAMAN-GUAMAN KERANA KEMUNGKIRAN KONTRAK

55. Guaman bagi harga.
56. Ganti rugi bagi ketakterimaan.
57. Ganti rugi bagi tak hantar-serah.
58. Pelaksanaan spesifik.
59. Remedi bagi kemungkiran waranti.
60. Penolakan kontrak sebelum genap tarikh.
61. Kepentingan dengan cara ganti rugi dang anti rugi khas.

BAB VII

PELBAGAI

62. Pengecualian bagi terma dan syarat-syarat tersirat.
63. Masa yang munasabah ialah persoalan fakta.
64. Pengecualian.

AKTA JUALAN BARANGAN 1957 (Akta 382)

Suatu Akta berhubung dengan jualan barang-barang.

[Wilayah Persekutuan, Johor,
Kedah, Kelantan, Negeri
Sembilan, Pahang, Perak,
Perlis, Selangor dan
Terengganu - 23 April 1957]

BAB I PERMULAAN

1. Tajuk ringkas dan pemakaian.

- (1) akta ini bolehlah dinamakan sebagai Akta **Jualan Barangan 1957**.
- (2) Akta ini hendaklah terpakai kepada negeri-negeri di Malaysia Barat.

2. Tafsiran.

Dalam akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain -

“barang-barang” ertinya tiap-tiap jenis harta alih selain daripada tuntutan boleh dakwa dan wang; dan termasuklah stok dan syer, tanaman yang hidup, rumput, dan benda-benda yang dilekatkan kepada atau membentuk sebahagian tanah yang diakui keras sebelum jualan atau di bawah kontrak jualan;

“barang-barang hadapan” ertinya barang-barang untuk dikilangkan atau dihasilkan atau diperolehi oleh penjual selepas kontrak jualan dibuat;

“barang-barang tertentu” ertinya barang-barang yang dikenalpasti dan dipersetujui pada masa suatu kontrak jualan dibuat;

“dokumen milikan kepada barang-barang” termasuklah bil muatan, waran limbungan, sijil penjaga gudang, sijil pendermaga, resit keretapi, waran atau perintah untuk menyerahkan barang-barang dan apa-apa dokumen lain yang digunakan dalam perjalanan biasa urusan sebagai bukti milikan atau kawalan bagi barang-barang, atau pemberiankuasa atau bertujuan untuk memberi kuasa, sama ada melalui pengendorsan atau melalui penyerahan, pemilik dokumen untuk dipindahkan atau penerimaan barang-barang yang dengan itu diwakili;

“ejen persaudagaran” ertinya seorang ejen persaudagaran yang mempunyai kuasa mengikut adat perjalanan urusan sebagai ejen sedemikian sama ada untuk menjual barang, barang, atau untuk mengkonsain barang-barang bagi maksud jualan, atau untuk membeli barang-barang, atau untuk mendapatkan wang atas jaminan bagi barang-barang;

“harga” ertinya balasan wang bagi suatu jualan barang-barang;

“harta” ertinya harta am dalam barang-barang, dan bukan semata-mata suatu harta khusus.

barang-barang adalah dikatakan dalam “keadaan yang boleh diserahkan” apabila ianya dalam keadaan di mana pembeli terikat di bawah undang-undang untuk membawanya pulang;

“kesalahan” ertinya perbuatan salah atau ingkar;

“kualiti barang” meliputi keadaannya;

“pembeli” ertinya seseorang yang membeli atau bersetuju untuk menjual barang-barang;

“penjual” ertinya seseorang yang menjual atau bersetuju untuk menjual barang-barang;

“penyerahan” ertinya pemindahan sengaja milikan daripada seseorang kepada seseorang yang lain;

seseorang itu dikatakan “tak solven” apabila terhenti untuk membayar hutangnya dalam perjalanan biasa urusan, atau tidak boleh membayar hutangnya apabila kena dibayar, sama ada dia telah melakukan sesuatu perbuatan kebangkrapan atau tidak;

dan apa-apa ungkapan yang digunakan dan tidak ditakrifkan dalam Akta Kontrak 1950, hendaklah mempunyai pengertian yang diberikan kepadanya dalam Akta ini.

3. Pemakaian Akta Kontrak 1950.

Akta Kontrak 1950, selagi ia tidak tak konsisten dengan peruntukan nyata Akta ini hendaklah terus terpakai kepada kontrak bagi jualan barang-barang.

BAB II

PEMBENTUKAN KONTRAK

KONTRAK JUALAN

4. Jualan dan persetujuan untuk menjual.

- (1) Suatu kontrak jualan barang-barang ialah suatu kontrak di mana penjual memindahkan atau bersetuju untuk memindahkan milikan barang-barang kepada pembeli bagi suatu harga. Mungkin ada suatu kontrak jualan antara satu pemunya bahagian dan yang lain.
- (2) Suatu kontrak jualan boleh jadi mutlak atau bersyarat.
- (3) Jika di bawah suatu kontrak jualan milikan dalam barang-barang dipindahkan daripada penjual kepada pembeli, kontrak itu disebut suatu jualan, tetapi jika pindahan milikan dalam barang-barang akan berlaku pada masa hadapan atau tertakluk kepada beberapa syarat untuk dipatuhi kemudiannya, kontrak itu disebut suatu persetujuan untuk menjual.
- (4) Suatu persetujuan untuk menjual akan menjadi jualan apabila luput masa atau syarat-syarat telah dipatuhi tertakluk kepada milikan dalam barang-barang itu dipindahkan.

PERATURAN KONTRAK

5. Kontrak bagaimana jualan dibuat.

- (1) Suatu kontrak jualan dibuat melalui suatu tawaran untuk membeli atau menjual barang-barang untuk suatu harga dan penerimaan tawaran sedemikian. Kontrak itu boleh memperuntukkan bagi suatu penyerahan segera barang-barang itu atau bayaran segera harganya atau kedua-duanya, atau bagi penyerahan melalui ansuran atau penyerahan atau bayaran atau kedua-duanya hendaklah ditangguhkan.
- (2) Tertakluk kepada mana-mana undang-undang pada masa ia dikuatkuasakan, suatu kontrak jualan boleh dibuat secara bertulis atau dengan lisan, atau sebahagiannya bertulis dan sebahagiannya dengan lisan, dengan lisan atau boleh dibayangkan daripada kelakuan pihak-pihak.

HAL PERKARA KONTRAK

6. Barang-barang yang ada atau hadapan.

- (1) Barang-barang yang membentuk hal perkara suatu kontrak jualan boleh sama ada barang-barang yang ada, dipunyai atau dimiliki oleh penjual, atau barang-barang hadapan.
- (2) Boleh ada suatu kontrak jualan barang-barang perolehan oleh penjual bergantung kepada suatu kontingensi yang boleh atau tidak boleh berlaku.
- (3) Suatu kontrak jualan yang menurutnya penjual dikatakan melaksanakan suatu jualan pada masa ini bagi barang-barang.

7. Barang-barang musnah sebelum kontrak dibuat.

Jika terdapat suatu kontrak bagi penjualan barang-barang khusus, kontrak itu tidak sah jika barang-barang itu tanpa pengetahuan penjual telah, pada masa kontrak itu dibuat, musnah atau menjadi rosak sehingga tidak dapat dijelaskan tentang perihalnya dalam kontrak itu.

8. Barang-barang musnah sebelum jualan tetapi selepas persetujuan untuk menjual.

Jika terdapat suatu perjanjian untuk menjual suatu barang-barang khusus dan yang kemudiannya barang-barang itu, tanpa apa-apa kesilapan pada pihak penjual atau pembeli, musnah atau menjadi rosak sehingga tidak dapat dijelaskan perihalnya dalam perjanjian itu, sebelum risikonya berpindah kepada pembeli, perjanjian itu adalah terbatal.

HARGA

9. Penentuan harga.

- (1) Harga dalam suatu kontrak jualan boleh ditetapkan oleh kontrak atau boleh ditinggalkan untuk ditetapkan dalam cara yang dipersetujui atau boleh ditentukan melalui penjalanan urusan antara pihak-pihak.
- (2) Jika harga tidak ditentukan menurut peruntukan yang terdahulu, pembeli hendaklah membayar kepada penjual suatu harga yang berpatutan. Apa itu harga berpatutan ialah suatu persoalan fakta bergantung kepada hal keadaan setiap kes yang tertentu.

10. Persetujuan untuk menjual pada penilaian.

- (1) Jika terdapat suatu persetujuan untuk menjual barang-barang atas terma bahawa harga akan ditentukan melalui penilaian suatu pihak ketiga dan pihak ketiga itu tidak boleh atau tidak membuat penilaian itu, perjanjian itu adalah tidak sah:

Dengan syarat bahawa jika barang-barang atau bahagian daripadanya telah diserahkan kepada, dan diambilguna oleh pembeli, dia hendaklah membayar suatu harga yang berpatutan.

- (2) Jika pihak ketiga itu dihalang daripada membuat penilaian kerana kesalahan penjual atau pembeli, pihak yang tidak bersalah boleh membuat suatu saman untuk ganti rugi terhadap pihak yang bersalah.

SYARAT DAN WARANTI

11. Janji mengenai masa.

Melainkan suatu niat lain didapati daripada terma kontrak, janji mengenai masa bayaran adalah tidak dianggap menjadi asas kontrak jualan. Sama ada apa-apa janji lain mengenai masa menjadi asas kontrak atau tidak bergantung kepada terma kontrak.

12. Syarat dan waranti.

- (1) Janji dalam suatu kontrak jualan dengan rujukan kepada barang-barang yang menjadi subjek boleh menjadi suatu syarat atau waranti.
- (2) Syarat ialah suatu janji yang penting kepada maksud utama kontrak, jika mungkir memberikan suatu hak untuk menganggap kontrak itu sebagai ditolak.
- (3) Waranti ialah suatu janji kolateral kepada maksud utama kontrak, jika mungkir memberikan suatu hak untuk menuntut ganti rugi tetapi bukan hak untuk menolak barang-barang dan menganggap kontrak itu sebagai ditolak.
- (4) Sama ada janji dalam suatu kontrak jualan adalah suatu syarat atau suatu waranti bergantung kepada setiap kes atas tafsiran kontrak.

Janji boleh jadi suatu syarat, sungguhpun disebut waranti dalam kontrak.

13. Bila syarat dianggap sebagai waranti.

- (1) Jika suatu kontrak jualan, tertakluk kepada apa-apa syarat untuk dipenuhi oleh penjual, pembeli boleh mengetepikan syarat atau memilih untuk menganggap kemungkiran syarat sebagai suatu kemungkiran waranti dan bukan sebagai asas untuk menganggap kontrak sebagai ditolak.
- (2) Jika suatu kontrak jualan tidak boleh asing dan pembeli telah menerima barang-barang itu atau sebahagiannya atau jika kontrak itu adalah untuk barang-barang khusus harta yang telah berpindahmilik kepada pembeli, kemungkiran apa-apa syarat untuk dipenuhi oleh penjual hanya boleh dianggap sebagai suatu kemungkiran waranti, dan bukan suatu asas untuk menolak barang-barang dan menganggap kontrak sebagai ditolak, melainkan terdapat terma kontrak yang nyata atau yang tersirat mengenainya.
- (3) Tiada apa-apa dalam seksyen ini boleh menyentuh apa-apa syarat atau waranti, jika dipenuhi boleh dikecualikan oleh undang-undang dengan alasan tidak munasabah atau sebaliknya.

14. Akujanji tersirat mengenai hakmilik, dsb.

Dalam suatu kontrak jualan, melainkan hal keadaan kontrak adalah untuk menunjukkan niat yang berlainan, terdapat -

- (a) suatu syarat tersirat di pihak penjual, bahawa dalam suatu kes jualan, dia mempunyai hak untuk menjual barang-barang dan bahawa dalam kes suatu persetujuan untuk menjual, dia akan mempunyai hak untuk menjual barang-barang pada masa bila milikan itu berpindah;
- (b) suatu waranti tersirat bahawa pembeli hendaklah mempunyai dan menikmati milikan aman barang-barang itu;
- (c) suatu waranti tersirat bahawa barang-barang hendaklah bebas daripada apa-apa caj atau bebanan yang memihak kepada mana-mana pihak ketiga yang diisytiharkan atau diketahui pembelinya sebelum atau pada masa kontrak itu dibuat.

15. Jualan melalui perihalan.

Jika terdapat suatu kontrak untuk menjual barang-barang melalui perihalan terdapat suatu syarat tersirat bahawa barang-barang itu hendaklah bersamaan dengan perihalan dan, jika jualan itu melalui contoh juga perihalan, ia tidak mencukupi bahawa kuantiti barang-barang bersamaan dengan contoh jika barang-barang juga tidak bersamaan dengan perihalan.

16. Syarat tersirat mengenai kualiti dan kelayakan.

(1) Tertakluk kepada Akta ini dan bagi mana-mana undang-undang lain semasa dikuatkuasakan, tidak ada waranti atau syarat tersirat mengenai kualiti atau kelayakan bagi apa-apa maksud tertentu bagi barang-barang yang dibekalkan di bawah suatu kontrak jualan kecuali sebagai berikut -

- (a) Jika pembeli secara nyata atau tersirat memberitahu penjual maksud tertentu bagi barang-barang yang diperlukan, untuk menunjukkan bahawa pembeli bergantung kepada kepakaran atau penghakiman penjual, dan barang-barang adalah daripada perihalannya dalam perjalanan urusan penjual untuk membekalkan (sama ada dia adalah pengilang atau pengeluar atau tidak) terdapat suatu syarat tersirat bahawa barang-barang hendaklah secara munasabahnyanya layak untuk maksud itu:

Dengan syarat, dalam kes suatu kontrak bagi penjualan suatu barang khusus di bawah hak cipta atau nama dagangan lain tidak terdapat syarat tersirat lain mengenai kelayakan bagi apa-apa maksud tertentu.

- (b) Jika barang-barang dibeli melalui perihalan daripada seseorang penjual yang menjual barang-barang daripada perihalan itu (sama ada dia adalah pengilang pengilang atau pengeluar atau tidak) terdapat suatu syarat tersirat bahawa barang-barang itu hendaklah daripada kualiti boleh dagang:
- (2) Suatu waranti atau syarat tersirat mengenai kualiti atau kelayakan bagi suatu maksud tertentu boleh ditambah dengan penggunaan tred.
 - (3) Suatu waranti atau syarat nyata tidak menegatifkan suatu waranti atau syarat yang difahamkan oleh Akta ini melainkan ketakkonsistenannya.

17. Jualan melalui contoh.

- (1) Suatu kontrak jualan ialah suatu kontrak untuk menjual melalui contoh jika terdapat terma yang jelas atau tersirat mengenainya dalam kontrak.
- (2) Dalam kes suatu kontrak untuk menjual melalui contoh terdapat suatu syarat tersirat –
 - (a) bahawa kuantiti hendaklah bersamaan dengan contoh dalam kualiti;
 - (b) bahawa pembeli hendaklah mempunyai peluang munasabah bagi membandingkan kuantiti dengan contoh;
 - (c) bahawa barang-barang hendaklah bebas daripada apa-apa kecacatan yang menjadikannya tidak boleh dagang yang mungkin tidak kelihatan pada pemeriksaan munasabah bagi contoh.

**BAB III
KESAN BAGI KONTRAK**

PINDAHMILIK HARTA ANTARA PENJUAL DENGAN PEMBELI

18. Barang-barang mestilah ditentukan.

Jika terdapat suatu kontrak bagi jualan barang-barang yang tidak ditentukan, tiada milikan dalam barang-barang itu dipindahkan kepada pembeli melainkan dan sehingga barang-barang itu ditentukan.

19. Harta berpindah jika diinginkan untuk dipindahkan.

- (1) Jika terdapat suatu kontrak bagi jualan barang-barang khusus atau ditentukan milikan dalamnya dipindahkan kepada pembeli pada masa itu memandangkan pihak-pihak kepada kontrak menginginkannya untuk dipindahkan.
- (2) Bagi maksud menentukan niat pihak-pihak, hendaklah mengambil perhatian kepada terma kontrak, kelakuan pihak-pihak dan hal keadaan kes.
- (3) Melainkan suatu niat yang lain timbul kaedah-kaedah dalam seksyen 20 hingga 24 adalah kaedah-kaedah bagi penentuan niat pihak-pihak mengenai masa bila milikan dalam barang-barang akan berpindah kepada pembeli.

20. Barang-barang khusus dalam keadaan boleh diserahkan.

Jika terdapat suatu kontrak tanpa syarat bagi penjualan barang-barang khusus dalam suatu keadaan yang boleh diserahkan, milikan dalam barang-barang berpindah kepada pembeli apabila kontrak dibuat, dan adalah tidak penting sama ada masa pembayaran harga atau masa penyerahan barang-barang atau kedua-duanya ditangguhkan.

21. Barang-barang khusus untuk diletakkan dalam suatu keadaan yang boleh diserahkan.

Jika terdapat suatu kontrak bagi penjualan barang-barang khusus dan penjual terikat untuk melakukan sesuatu kepada barang itu bagi maksud meletakkannya dalam keadaan yang boleh diserahkan, milikan tidak berpindah sehingga perkara itu dibuat dan pembeli mengetahui tentangnya.

22. Barang-barang khusus dalam suatu keadaan yang boleh diserahkan apabila penjual membuat sesuatu kepadanya bertujuan untuk menentukan harga.

Jika terdapat suatu kontrak bagi penjualan barang-barang khusus dalam suatu keadaan yang boleh diserahkan, tetapi penjual terikat untuk menimbang, mengukur, menguji atau melakukan beberapa perbuatan atau benda lain merujuk kepada barang-barang bagi maksud menentukan harga, milikan itu tidak berpindah sehingga perbuatan atau benda itu dilakukan dan pembeli mengetahui tentangnya.

23. Jualan barang-barang yang tidak ditentukan dan penguntukan.

- (1) Jika terdapat suatu kontrak bagi penjualan barang-barang yang tidak ditentukan atau barang-barang hadapan melalui perihalan dan barang-barang daripada perihalan itu dan dalam keadaan yang boleh diserahkan adalah diperuntukan secara tak bersyarat kepada kontrak, sama ada oleh penjual dengan persetujuan pembeli atau pembeli dengan persetujuan penjual, milikan dalam barang-barang dengan itu berpindah kepada pembeli.

Persetujuan itu boleh jadi nyata atau tersirat dan boleh diberikan sama ada sebelum atau selepas penguntukan itu dibuat.

Penyerahan kepada pembawa.

- (2) Jika, menurut kontrak, penjual menyerahkan barang-barang itu kepada pembeli atau kepada seorang pembawa atau baili (sama ada dinamakan oleh pembeli atau tidak) bagi maksud perpindahan kepada pembeli dan tidak mereservasikan hak pelupusan, dia dianggap telah secara tak bersyarat menguntukkan barang-barang kepada kontrak.

24. Barang-barang dihantar, atas persetujuan atau "untuk dijual atau pemulangan".

Bila barang-barang diserahkan kepada pembeli atas persetujuan atau "untuk dijual atau pemulangan", atau lain-lain terma yang serupa, milikan itu kemudiannya berpindah kepada pembeli -

- (a) apabila dia menunjukkan persetujuannya penerimaan kepada penjual atau melakukan apa-apa perbuatan lain menggunakan transaksi;
- (b) jika dia tidak tunjukkan persetujuannya atau penerimaannya kepada penjual tetapi memegangsimpan barang-barang tanpa memberikan notis penolakan, maka jika suatu masa telah ditetapkan bagi pemulangan barang-barang itu, atas keluputan masa itu dan jika tiada masa ditetapkan atas keluputan masa yang munasabah.

25. Reservasi bagi hak pelupusan.

- (1) Jika terdapat suatu kontrak bagi penjualan barang-barang khusus atau jika barang-barang diuntukan kemudiannya kepada kontrak, penjual boleh melalui terma-terma kontrak atau penguntukan, mereservasikan hak pelupusan barang-barang sehingga beberapa syarat dipenuhi. Dalam kes sedemikian, walaupun penyerahan barang-barang kepada pembeli atau kepada seorang pembawa atau baili lain bagi maksud-maksud pemindahan kepada pembeli, milikan dalam barang-barang tidak berpindah kepada pembeli sehingga syarat-syarat yang dikenakan oleh penjual dipenuhi.

- (2) Jika barang-barang dihantar dan melalui bil muatan barang-barang itu boleh diserahkan mengikut arahan penjual atau ejennya, penjual itu adalah *prima facie* dianggap mereservasikan hak pelupusan.
- (3) Jika penjual bagi barang-barang mendapatkan daripada pembeli harga dan menghantar bersama bil pertukaran dan bil muatan kepada pembeli, untuk menjamin penerimaan atau pembayaran bagi bil pertukaran, pembeli itu terikat untuk memulangkan bil muatan jika dia tidak membayar bil pertukaran, dan jika secara salah menyimpan bil muatan itu milikan dalam barang-barang itu tidak berpindah kepadanya.

26. Risiko *prima facie* berpindah bersama milikan.

Melainkan sebaliknya dipersetujui, barang-barang kekal dalam risiko penjual sehingga milikan di dalamnya dipindahkan kepada pembeli, tetapi apabila milikan di dalamnya berpindah kepada pembeli, barang-barang itu adalah dalam risiko pembeli sama ada penyerahan telah dibuat atau tidak:

Dengan syarat bahawa penyerahan telah dilewatkan disebabkan oleh kesalahan sama ada pembeli atau penjual, barang-barang itu adalah dalam risiko pihak yang bersalah berhubungan dengan apa-apa kerugian yang tidak mungkin berlaku kalau tidak kerana kesalahan sedemikian:

Dengan syarat juga bahawa tiada apa-apa dalam seksyen ini boleh menjejaskan kewajipan atau liabiliti mana-mana pembeli atau penjual atau sebagai baili kepada barang-barang bagi pihak yang lain.

27. Penjualan oleh orang yang bukan pemunya.

- (1) Tertakluk kepada Akta ini dan mana-mana undang-undang lain semasa ianya berkuatkuasa, jika barang-barang dijual oleh seseorang yang bukan pemunya, dan tidak menjualnya di bawah kuasa atau dengan kebenaran pemunya, pembeli memperoleh hak milik yang lebih baik daripada penjual terhadap barang-barang itu, melainkan pemunya barang-barang itu telah, melalui kelakuannya terhalang daripada tidak memberikan penjual kuasa untuk menjual:

Dengan syarat bahawa jika seseorang ejen persaudagaran adalah, dengan kebenaran pemunya, dalam milikan barang-barang itu atau suatu dokumen hak milik kepada barang-barang, apa-apa jualan yang dibuat olehnya apabila bertindak dalam perjalanan urusan biasa bagi seorang ejen persaudagaran hendaklah menjadi sah seolah-olah jika dia dengan nyata diberikuasa oleh pemunya barang-barang itu untuk membuat sedemikian, dengan syarat bahawa peniaga bertindak dengan suci hati dan telah tidak mengetahui pada masa kontrak jualan dibuat bahawa penjual tidak mempunyai kuasa untuk menjual.

28. Penjualan oleh salah seorang daripada pemunya bersama.

Jika salah seorang pemunya bersama barang-barang mempunyai milikan mutlak kepadanya dengan keizinan pemunya bersama, milikan dalam barang-barang ini dipindahkan kepada mana-mana orang yang membelinya daripada pemunya bersama itu dengan suci hati dan telah tidak mengetahui pada masa kontrak jualan dibuat bahawa penjual tidak mempunyai kuasa untuk menjual.

29. Penjualan oleh orang yang dalam milikan di bawah kontrak boleh batal.

Jika penjual barang-barang telah memperolehi milikan berkenaannya di bawah suatu kontrak boleh batal di bawah seksyen 19 atau seksyen 20 Akta Kontrak 1950, tetapi kontrak itu telah tidak dibatalkan pada masa jualan itu, pembeli memperolehi hak milik kepada barang-barang dengan syarat dia membelinya dengan suci hati dan tanpa pengetahuan penjual akan kecacatan hak milik.

30. Penjual atau pembeli dalam milikan selepas jualan.

- (1) Jika seseorang, setelah menjual barang-barang, berterusan atau dalam milikan bagi barang-barang atau dokumen hak milik kepada barang-barang itu, penyerahan atau pemindahan oleh orang itu atau oleh seorang ejen persaudagaran yang bertindak bagi pihaknya, bagi barang-barang atau dokumen hak milik di bawah apa-apa jualan, sandaran atau penguntukan lainnya kepada mana-mana orang yang menerima barang itu dengan suci hati dan tanpa pengetahuan akan penjualan yang terdahulu hendaklah mempunyai kesan yang sama seolah-olah orang yang membuat penyerahan atau pemindahan itu telah dengan nyata diberikuasa oleh pemunya barang-barang untuk membuat perkara yang sama.
- (2) Jika seseorang, telah membeli atau bersetuju untuk membeli, mendapatkan, dengan persetujuan penjual, milikan kepada barang-barang atau dokumen hak milik kepada barang-barang, penyerahan atau pemindahan oleh orang itu atau oleh ejen persaudagaran yang bertindak bagi pihaknya bagi barang-barang atau dokumen hak milik di bawah apa-apa penjualan, sandaran atau penguatkuasaan yang lainnya kepada mana-mana orang yang menerima barang-barang dengan suci hati dan tanpa notis apa-apa lien atau hak lain penjual asal berkenaan dengan barang-barang hendaklah mempunyai kesan seolah-olah lien atau hak sedemikian tidak wujud.

BAB IV PERLAKSANAAN KONTRAK

31. Kewajipan penjual dan pembeli.

Adalah menjadi kewajipan penjual untuk menyerahkan barang-barang dan bagi pembeli untuk menerima dan membayar untuk barang-barang menurut terma kontrak jualan.

32. Pembayaran dan penyerahan adalah syarat-syarat yang bersama.

Melainkan sebaliknya dipersetujui, penyerahan barang-barang dan pembayaran harga adalah syarat bersama, iaitu, penjual hendaklah bersedia dan sanggup menyerahkan milikan barang-barang kepada pembeli sebagai tukaran bagi harga, dan pembeli hendaklah bersedia dan sanggup membayar harga sebagai tukaran bagi milikan barang-barang.

33. Penyerahan.

Penyerahan barang-barang yang dijual boleh dibuat dengan membuat apa saja yang dipersetujui pihak-pihak hendaklah dianggap sebagai penyerahan atau yang mempunyai kesan dalam meletakkan barang-barang dalam milikan pembeli atau mana-mana orang yang diberikuasa untuk memegang bagi pihaknya.

34. Kesan penyerahan sebahagian.

Penyerahan sebahagian barang-barang, semasa berlangsung penyerahan secara menyeluruh, mempunyai kesan yang sama bagi maksud perpindahan milikan barang-barang itu, sebagai penyerahan keseluruhan; tetapi suatu penyerahan sebahagian daripada barang-barang dengan niat mengasingkan daripada keseluruhan tidak beroperasi sebagai suatu penyerahan yang selebihnya.

35. Penyerahan hendaklah dipohon oleh pembeli.

Selain daripada apa-apa kontrak nyata, penjual barang-barang tidak terikat untuk menyerahkan barang-barang tersebut sehingga penyerahan dipohon oleh pembeli.

36. Kaedah-kaedah penyerahan.

- (1) Sama ada pembeli kena mengambil milikan bagi barang-barang atau penjual kena menghantarnya kepada pembeli adalah suatu persolan yang bergantung kepada setiap kes berdasarkan kontrak, nyata atau tersirat, antara pihak-pihak. Selain daripada apa-apa kontrak sedemikian, barang-barang yang dijual hendaklah diserahkan di tempat di mana ianya berada pada masa jualan, dan barang-barang yang dipersetujui untuk dijual hendaklah diserahkan di tempat di mana ia berada semasa perjanjian untuk menjual atau, jika belum ada, di tempat di mana ianya dikilang atau dihasilkan.
- (2) Jika di bawah kontrak jualan penjual terikat untuk menghantar barang-barang kepada pembeli, tetapi masa penghantarannya tidak ditetapkan, penjual terikat untuk menghantarnya dalam tempoh yang munasabah.
- (3) Jika barang-barang pada masa jualan berada dalam milikan orang ketiga, tidak ada penyerahan oleh penjual kepada pembeli melainkan dan sehingga orang ketiga memberitahu pembeli bahawa dia memegang barang-barang itu bagi pihaknya:
- (4) Tuntutan atau tender penyerahan boleh dianggap sebagai tidak berkesan melainkan dibuat pada suatu masa yang munasabah. Apa itu masa yang munasabah adalah suatu persoalan fakta.
- (5) Melainkan sebaliknya dipersetujui, perbelanjaan untuk dan bersampingan dengan meletakkan barang-barang ke dalam suatu keadaan yang boleh diserahkan hendaklah ditanggung oleh penjual.

37. Penyerahan bagi kuantiti yang salah.

- (1) Jika penjual menyerahkan kepada pembeli suatu kuantiti barang-barang yang kurang daripada apa yang dikontrakkan untuk dijual, pembeli boleh menolaknya, tetapi jika pembeli menerimabarang-barang yang diserahkan itu, dia hendaklah membayar bagi harga barang itu pada kadar yang dikontrakkan.
- (2) Jika penjual menyerahkan kepada pembeli suatu kuantiti barang-barang yang lebih daripada apa yang dikontrakkan untuk dijual, pembeli boleh menerima barang-barang yang termasuk dalam kontrak dan menolak yang lain, atau dia boleh menolak keseluruhannya. Jika pembeli menerima keseluruhan barang-barang yang diserahkan itu dia hendaklah membayarnya pada kadar kontrak.

- (3) Jika penjual menyerahkan kepada pembeli barang-barang yang dikontrakkan untuk dijual bercampur dengan barang-barang daripada lain-lain perihal yang tidak termasuk dalam kontrak, pembeli boleh menerima barang-barang yang menurut kontrak dan menolak yang selainnya, atau menolak keseluruhannya.
- (4) Seksyen ini tertakluk kepada apa-apa penggunaan tred, perjanjian khusus atau perjalanan urusan antara pihak-pihak.

38. Penyerahan ansuran.

- (1) Melainkan sebaliknya dipersetujui pembeli barang-barang tidak terikat untuk menerima penyerahannya melalui ansuran.
- (2) Jika terdapat suatu kontrak penjualan barang-barang untuk diserahkan melalui ansuran yang dinyatakan yang dibayar secara berasingan, dan penjual tidak membuat penyerahan atau kegagalan untuk menyerahkan bekalan dengan satu atau lebih ansuran, atau pembeli cuai atau enggan untuk menerima penyerahan atau membayar untuk satu atau lebih ansuran, adalah menjadi persoalan dalam setiap kes bergantung kepada terma kontrak dan hal keadaan kes, sama ada kemungkiran kontrak adalah penolakan bagi keseluruhan kontrak, atau sama ada ia adalah kemungkiran boleh asing yang membolehkan suatu tuntutan pampasan tetapi bukan suatu hak untuk menganggap keseluruhan kontrak sebagai penolakan.

39. Penyerahan kepada pembawa atau pendermaga.

- (1) Jika menurut suatu kontrak jualan, penjual diberikuasa atau dikehendaki untuk menghantar barang-barang kepada pembeli, penyerahan barang-barang itu kepada pembawa, sama ada dinamakan oleh pembeli atau tidak, bagi maksud perpindahan kepada pembeli atau penyerahan barang-barang itu kepada pendermaga untuk simpanan selamat, adalah *prima facie* dianggap sebagai penyerahan barang-barang kepada pembeli.
- (2) Melainkan sebaliknya diberikuasa oleh pembeli, penjual boleh membuat kontrak sedemikian dengan pembawa atau pendermaga bagi pihak pembeli mengikut mana-mana yang munasabah dengan sifat barang-barang dan lain-lain hal keadaan kes. Jika penjual meninggalkan untuk membuat begitu, dan barang-barang itu hilang atau rosak dalam perjalanan penghantaran atau apabila dalam penjagaan pendermaga pembeli boleh menolak untuk menganggap penyerahan kepada pembawa atau pendermagasebagai penyerahan kepada dirinya, atau boleh menyebabkan penjual bertanggungjawab untuk ganti rugi.
- (3) Melainkan sebaliknya dipersetujui, jika barang-barang dihantar oleh penjual kepada pembeli melalui jalan yang melibatkan pengangkutan laut, dalam hal keadaan di mana ianya biasa untuk diinsuranskan, penjual boleh memberi notis yang sedemikian kepada pembeli untuk membolehkannya menginsurkannya semasa pengangkutan laut, dan jika penjual gagal melakukannya barang-barang itu boleh dianggap berada dalam risikonya semasa pengangkutan laut itu.

40. Risiko jika barang-barang diserahkan di tempat jauh.

Apabila penjual barang-barang bersetuju untuk menyerahkan barang-barang itu dengan menanggung sendiri risikonya di suatu tempat selain daripada daripada tempat ianya berada apabila dijual, pembeli hedaklah, walau bagaimanapun, melainkan sebaliknya

dipersetujui, mengambil apa-apa risiko kerosakan dalam barang-barang semestinya berkaitan dengan perjalanan pengangkutan.

41. Hak pembeli untuk memeriksa barang-barang.

- (1) Jika barang-barang diserahkan kepada pembeli yang mana dia tidak terlebih dahulu memeriksa, dia tidak dianggap telah menerimanya melainkan dan sehingga dia telah mempunyai peluang yang munasabah untuk memeriksanya bagi maksud penentuan sama ada ianya sesuai dengan kontrak
- (2) Melainkan sebaliknya dipersetujui, apabila penjual tenderkan penyerahan barang-barang kepada pembeli, dia terikat, atas permintaan, untuk memberi pembeli suatu peluang munasabah untuk memeriksa barang-barang bagi maksud penentuan sama ada ianya sesuai dengan kontrak.

42. Penerimaan.

Pembeli dianggap telah menerima barang-barang itu apabila dia membayangkan kepada penjual bahawa dia telah menerimanya, atau apabila barang-barang itu telah diserahkan kepadanya dan dia telah melakukan apa-apa tindakan berhubungannya yang tidak konsisten dengan pemilikan penjual, atau bila, selepas luput suatu tempoh masa yang munasabah, dia menyimpan barang-barang itu tanpa membayangkan kepada penjual bahawa dia telah menolaknya.

43. Pembeli tidak terikat untuk memulangkan barang-barang yang ditolak.

Melainkan sebaliknya dipersetujui, jika barang-barang diserahkan kepada pembeli dan dia telah menolak untuk menerimanya, dengan mempunyai hak untuk berbuat demikian, dia tidak terikat untuk memulangkannya kepada penjual, tetapi adalah mencukupi jika dia membayangkan kepada penjual bahawa dia telah menolak untuk menerimanya.

44. Liabiliti pembeli kerana kecuaiannya atau keengganan menyerahkan barang-barang.

Apabila penjual itu bersedia dan sanggup untuk menyerahkan barang-barang dan meminta pembeli untuk mengambil serahan, dan pembeli tidak, dalam suatu tempoh masa yang munasabah selepas permintaan itu, mengambil serahan barang-barang, dia bertanggung kepada penjual bagi apa-apa kerugian disebabkan oleh kecuaiannya atau keenggannya untuk mengambil serahan, dan juga untuk suatu caj yang munasabah bagi penjagaan barang-barang:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa dalam seksyen ini boleh menjejaskan hak penjual jika kecuaiannya atau keengganan pembeli untuk mengambil serahan mengakibatkan kepada suatu pengingkaran kontrak.

BAB V
HAK PENJUAL YANG TIDAK DIBAYAR TERHADAP
BARANG-BARANG

45. Takrif penjual yang tidak dibayar.

- (1) Penjual barang-barang dianggap sebagai “penjual yang tidak dibayar” dalam pengertian Akta ini -
 - (a) apabila keseluruhan harga tidak dibayar atau diberikan;
 - (b) apabila bil pertukaran atau lain-lain suratcara boleh niaga telah diterima sebagai syarat pembayaran, dan syarat di mana ia diterima telah tidak dipenuhi dengan alasan tidak membayar suratcara atau sebaliknya.
- (2) Dalam bab ini, terma “penjual” termasuklah mana-mana orang yang dalam kedudukan seorang penjual, sebagai contoh, seorang ejen penjual kepada siapa bil muatan telah membayar, atau secara diendorskan, atau seorang konsinor atau ejen yang sendirinya telah membayar, atau secara langsung bertanggungjawab bagi harga.

46. Hak penjual yang tidak dibayar.

- (1) Tertakluk kepada Akta ini dan mana-mana undang-undang semasa dikuatkuasakan, walau apa pun milikan dalam barang-barang mungkin telah berpindah kepada pembeli, penjual yang barang-barangnya tidak dibayar dengan itu mempunyai melalui kuatkuasa undang-undang -
 - (a) suatu lien ke atas barang-barang bagi harga semasa dia mempunyai milikan dalamnya;
 - (b) dalam kes ketaksolvenan pembeli, hak untuk menahan barang-barang dalam perjalanan selepas dia berpisah daripada milikan dalamnya;
 - (c) suatu hak menjual semula seperti yang dihadkan oleh Akta ini.
- (2) Jika milikan dalam barang-barang belum berpindah kepada pembeli, penjual yang tidak dibayar mempunyai, sebagai tambahan kepada remedi lain, suatu hak untuk menahan penyerahan serupa dengan dan sama beratnya dengan hak-hak liennya dan penahanan dalam perjalanan di mana milikan telah berpindah kepada pembeli.

LIEN PENJUAL YANG TIDAK DIBAYAR

47. Lien penjual.

- (1) Tertakluk kepada Akta ini, penjual barang-barang yang tidak dibayar yang barang-barang dalam milikan mereka adalah berhak untuk menyimpan milikan mereka sehingga bayaran atau tender harga dalam kes-kes berikut iaitu -
 - (a) jika barang-barang telah dijual tanpa apa-apa stipulasi mengenai kredit;
 - (b) jika barang-barang telah dijual secara kredit tetapi terma kredit telah luput;
 - (c) jika pembeli menjadi tak solven.
- (2) penjual boleh melaksanakan hak liennya walaupun dia dalam milikan bagi barang-barang itu sebagai ejen atau baili bagi pembeli.

48. Penyerahan sebahagian.

Jika seseorang penjual barang-barang yang tidak dibayar telah membuat penyerahan sebahagian barang-barang, dia boleh melaksanakan hak liennya ke atas yang selebihnya, melainkan penyerahan sebahagian itu telah dibuat di bawah suatu hal keadaan untuk menunjukkan suatu persetujuan untuk mengetepikan lien.

49. Penamatan lien.

- (1) Penjual barang-barang yang tidak dibayar kehilangan liennya –
 - (a) bila dia menyerahkan barang-barang kepada seorang pembawa atau baili lain bagi maksud perpindahan kepada pembeli tanpa mereservasikan hak pelupusan barang-barang;
 - (b) bila pembeli atau ejennya secara sah mendapatkan milikan bagi barang-barang;
 - (c) melalui pengenepiannya.
- (2) Penjual barang-barang yang tidak dibayar, mempunyai lien ke atasnya, tidak akan kehilangan liennya dengan alasan bahawa dia telah mendapatkan dekri bagi harga barang-barang.

PENAHANAN DALAM TRANSIT

50. Hak penahanan dalam transit.

Tertakluk kepada Akta ini bila pembeli barang-barang menjadi tak solven penjual yang tidak dibayar yang telah berpisah dengan milikan barang-barang mempunyai hak untuk menahannya dalam transit, iaitu, dia boleh mendapatkan semula milikan barang-barang selagi ianya dalam perjalanan transit dan boleh menyimpannya sehingga pembayaran atau tender harga.

51. Jangkamasa transit.

- (1) Barang-barang dianggap dalam perjalanan transit daripada masa ia diserahkan kepada seseorang pembawa atau baili lain bagi maksud pemindahan kepada pembeli sehingga pembeli atau ejennya yang mewakili mengambil penyerahan itu daripada pembawa atau baili lain.
- (2) Jika pembeli atau ejennya yang mewakili mendapatkan penyerahan barang-barang sebelum ketibaannya ke destinasi yang ditetapkan, transit itu telah berakhir.
- (3) Jika selepas ketibaan barang-barang ke destinasi yang ditetapkan, pembawa atau baili lain memberitahu pembeli atau ejennya bahawa dia memegang barang-barang bagi pihaknya dan terus memilikinya sebagai baili bagi pembeli atau ejennya, transit itu telah berakhir dan ia adalah tidak penting bahawa suatu destinasi selanjutnya bagi barang-barang itu boleh dibayangkan oleh pembeli.
- (4) Jika barang-barang ditolak oleh pembeli dan pembawa atau baili lain terus memilikinya, transit itu tidak dianggap telah berakhir, walaupun penjual menolak untuk menerimanya kembali.
- (5) Bila barang-barang diserahkan kepada kapal yang disewa khas oleh pembeli, ia adalah persoalan yang bergantung kepada hal keadaan kes-kes tertentu, sama ada ia dalam milikan pemilik sebagai pembawa atau sebagai ejen pembeli.
- (6) Jika pembawa atau baili lain secara salah enggan menyerahkan barang-barang kepada pembeli atau ejennya yang mewakili, transit itu dianggap telah berakhir.

- (7) Jika penyerahan sebahagian barang-barang telah dibuat kepada pembeli atau ejennya yang mewakili, barang-barang yang selebihnya boleh ditahan dalam transit, melainkan penyerahan sebahagian telah diberikan dalam hal keadaan yang sedemikian untuk menunjukkan suatu persetujuan untuk melepaskan milikan bagi keseluruhan barang-barang.

52. Bagaimana penahanan dalam transit berkesan.

- (1) Penjual yang tidak dibayar boleh menjelaskan hak penahanannya dalam transit sama ada dengan mengambil milikan sebenar barang-barang, atau dengan memberi notis tuntutan kepada pembawa atau baili lain yang pada siapa ada milikan barang-barang itu. Notis itu boleh diberikan sama ada kepada orang yang dalam milikan sebenar barang-barang atau kepada principal. Dalam kes yang terkemudian notis itu, untuk menjadi berkesan, hendaklah diberikan pada masa itu dan dalam hal keadaan itu principal, dengan menjalankan ketekunan yang munasabah, boleh menyampaikannya kepada pekerja atau ejen sempat untuk menghalang suatu penyerahan kepada pembeli.
- (2) Bila notis penahanan dalam transit diberikan oleh penjual kepada pembawa atau baili lain yang dalam milikan barang-barang itu, dia hendaklah menyerahkan semula barang-barang itu kepada atau mengikut arahan penjual. Perbelanjaan terhadap penyerahan semula itu hendaklah ditanggung oleh penjual.

PEMINDAHAN OLEH PEMBELI DAN PENJUAL

53. Kesan jualan sampingan atau sandaran oleh pembeli.

- (1) Tertakluk kepada Akta ini hak lien atau penahanan dalam transit bagi penjual yang tidak dibayar tidaklah terjejas oleh mana-mana jualan atau lain-lain pelupusan barang-barang yang mungkin telah dibuat oleh pembeli melainkan telah dipersetujui oleh penjual:

Dengan syarat bahawa jika suatu dokumen hak milik barang-barang telah dikeluarkan atau secara sahnya dipindahkan kepada mana-mana orang sebagai pembeli atau pemunya barang-barang dan orang itu memindahkan dokumen itu kepada seseorang yang mengambil dokumen itu dengan suci hati dan sebagai balasan jika sebutan akhir itu pindahan itu dibuat dengan cara jualan, hak lien atau penahanan dalam transit bagi penjual yang tidak dibayar, digagalkan, dan, jika sebutan akhir itu pindahan itu dibuat dengan cara sandaran atau lain-lain pelupusan untuk nilai, hak lien atau penahanan dalam transit bagi penjual yang tidak dibayar hanya boleh dijalankan tertakluk kepada hak bagi penerima pindahan.

- (2) Jika pindahan itu dengan cara sandaran, penjual yang tidak dibayar boleh meminta pemegang sandaran mendapatkan amaun yang dijamin oleh sandaran diselesaikan pada mulanya, seberapa boleh, daripada barang-barang atau jaminan-jaminan lain pembeli yang dalam pegangan penerima sandaran dan yang sedia ada terhadap pembeli.

54. Jualan tidak secara amnya dibatalkan oleh lien atau penahanan transit.

- (1) Tertakluk kepada seksyen ini, suatu kontrak jualan tidak dibatalkan melalui perlaksanaan semata-mata oleh seseorang penjual yang tidak dibayar akan hak liennya atau penahanan dalam transit.

- (2) Jika barang-barang itu adalah dari jenis yang mudah musnah, atau jika penjual tidak dibayar, yang telah melaksanakan hak liennya atau penahanan dalam transit memberikan notis kepada pembeli akan niatnya untuk menjual semula, penjual yang tidak dibayar boleh, jika pembeli tidak dalam tempoh masa yang munasabah membayar atau tenderkan harga, menjual semula barang-barang dalam tempoh masa yang munasabah dan mendapatkan ganti rugi daripada pembeli asal bagi apa-apa kerugian yang disebabkan oleh kemungkiran kontrak; tetapi pembeli tidak berhak kepada apa-apa keuntungan yang berlaku ke atas penjualan semula. Jika notis itu tidak diberikan, penjual yang tidak dibayar tidak berhak untuk mendapatkan ganti rugi itu dan pembeli berhak kepada keuntungan, jika ada, ke atas penjualan semula.
- (3) Jika seorang penjual yang tidak dibayar yang telah melaksanakan hak liennya atau penahanan dalam transit menjual semula barang-barang itu, pembeli memperoleh hak milik yang baik berbanding pembeli asal, walaupun tiada notis penjualan semula telah diberikan kepada pembeli asal.
- (4) Jika penjual secara nyata mereservasikan suatu hak bagi penjualan semula dalam kes itu pembeli membuat kesalahan dan, bila pembeli membuat kesalahan, menjual semula barang-barang, kontrak jualan yang asal dengan itu dibatalkan, tetapi tanpa menjejaskan apa-apa tuntutan yang penjual mungkin ada bagi ganti rugi.

BAB VI
GUAMAN-GUAMAN KERANA KEMUNGKIRAN
KONTRAK

55. Guaman bagi harga.

- (1) Jika di bawah suatu kontrak jualan milikan dalam barang-barang telah berpindah kepada pembeli dan pembeli secara salah cuai atau enggan untuk membayar barang-barang itu mengikut terma kontrak, penjual itu boleh mendakwanya bagi harga barang-barang.
- (2) Jika di bawah suatu kontrak jualan harga itu boleh dibayar pada suatu hari tertentu tanpa mengira penyerahan dan pembeli secara salah, cuai atau enggan untuk membayar harga itu, penjual boleh mendakwanya bagi harga walaupun milikan dalam barang-barang belum berpindah dan barang-barang belum lagi diperuntukan kepada kontrak.

56. Ganti rugi bagi ketakterimaan.

Jika pembeli secara salah, cuai atau enggan untuk menerima dan membayar bagi barang-barang itu penjual boleh mendakwanya bagi ganti rugi kerana ketakterimaan.

57. Ganti rugi bagi tak hantar-serah.

Jika penjual secara salah, cuai atau enggan untuk menyerahkan barang-barang kepada pembeli, pembeli boleh mendakwa penjual bagi ganti rugi kerana tak hantar-serah

58. Pelaksanaan spesifik.

Tertakluk kepada Bab II akta Relif Spesifik 1950, dalam apa-apa guaman kerana kemungkiran kontrak untuk menyerahkan barang-barang khusus atau ditentukan, mahkamah boleh, jika difikirkan patut, atas permohonan plaintif, melalui dekri langsung bahawa kontrak itu hendaklah dilaksanakan secara spesifik, tanpa memberikan apa-apa pilihan kepada defendan bagi menyimpan barang-barang atas pembayaran ganti rugi. Dekri itu boleh jadi tak bersyarat, atau atas terma dan syarat mengenai ganti rugi, bayaran harga atau sebaliknya, sebagaimana yang mahkamah fikirkan adil, dan permohonan plaintif boleh dibuat pada bila-bila masa sebelum dekri.

59. Remedi bagi kemungkiran waranti.

- (1) Jika terdapat suatu kemungkiran waranti oleh penjual, atau jika pembeli memilih atau terpaksa untuk menganggap apa-apa kemungkiran suatu syarat pada pihak penjual sebagai suatu kemungkiran waranti, pembeli tidak sahaja berhak untuk menolak barang-barang itu dengan alasan kemungkiran kontrak; tetapi dia boleh juga -
 - (a) mengakibatkan pembeli, kemungkiran waranti berkurangan atau penghapusan harga; atau
 - (b) mendakwa penjual bagi ganti rugi kerana kemungkiran waranti.
- (2) Hakikat bahawa seorang pembeli telah mengakibatkan suatu kemungkiran waranti berkurangan bagi harga tidak menghalangnya daripada mendakwa bagi kemungkiran waranti yang sama jika dia telah menanggung kerugian yang lebih.

60. Penolakan kontrak sebelum genap tarikh.

Jika mana-mana pihak kepada kontrak penjualan menolak kontrak sebelum tarikh penyerahan, atau dia boleh menganggap kontrak itu sebagai dibatalkan dan mendakwa bagi ganti rugi kerana kemungkiran.

61. Kepentingan dengan cara ganti rugi dan ganti rugi khas.

- (1) Tiada apa-apa dalam Akta ini boleh menjejaskan hak penjual atau pembeli untuk mendapatkan kepentingan atau ganti rugi khas dalam apa-apa kes jika melalui undang-undang kepentingan atau ganti rugi khas boleh didapatkan semula, atau untuk mendapatkan wang yang dibayar di mana balasan bagi bayarannya telah gagal.
- (2) Dalam ketiadaan kontrak kepada yang bertentangan, mahkamah boleh mengawardkan kepentingan pada suatu kadar yang difikirkan patut asa amaun harga -
 - (a) kepada penjual dalam suatu guaman olehnya bagi amaun harga - daripada tarikh tender barang-barang atau daripada tarikh bila harga kena dibayar;
 - (b) kepada pembeli dalam suatu guaman olehnya bagi pemulangan harga dalam suatu kes kemungkiran kontrak pada pihak penjual - dari tarikh bila pembayaran itu dibuat.

BAB VII PELBAGAI

62. Pengecualian bagi terma dan syarat-syarat tersirat.

Jika apa-apa hak, tanggungjawab atau liabiliti timbul di bawah suatu kontrak penjualan melalui penguatkuasaan undang-undang, ia boleh menjadi dinegatifkan atau diubah melalui perjanjian nyata atau melalui perjalanan urusan antara pihak-pihak, atau melalui penggunaan, jika penggunaan itu adalah untuk mengikat kedua pihak kepada kontrak.

63. Masa yang munasabah ialah persoalan fakta.

Jika dalam Akta ini apa-apa rujukan dibuat mengenai masa yang munasabah, persoalan apa itu masa yang munasabah ialah suatu persoalan fakta.

64. Pengecualian.

- (1) Tiada apa-apa dalam Akta ini boleh menjejaskan atau dianggap menjejaskan apa-apa hukuman undang-undang, tidak tak konsisten dengan Akta ini.
- (2) Kaedah-kaedah dalam kebangkrapan berhubung dengan kontrak jualan barang-barang hendaklah terus terpakai kepadanya walau apa pun yang terkandung dalam akta ini.
- (3) Peruntukan Akta ini berhubung dengan kontrak jualan tidak terpakai kepada apa-apa transaksi dalam bentuk kontrak jualan yang dicadangkan untuk beroperasi dengan cara gadai-janji, sandaran, caj atau jaminan-jaminan lain.

AKTA JUALAN BARANGAN, 1957

(Akta 382)

SENARAI PINDAAN

Undang-undang Yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuatkuasa dari
L.N. 332/58	Perintah Perlembagaan Per- Sekutuan (Pengubahsuaian Undang-Undang) (Ordinan- Ordinan dan Pengisytiharan), 1958	14-10-1958
Akta A756	Akta Jualan Barangan (Pindaan Dan Perluasan), 1990	23-2-1990

SENARAI UNDANG-UNDANG ATAU BAHAGIANNYA YANG DIGANTI

No.	Tajuk
P.T.M Ordinan No. 1 Tahun 1957	Ordinan Jualan Barangan (Negeri-Negeri Melayu), 1957